

# Dr. Mahathir memang calon layak untuk anugerah nobel

UM-5/2/2007

KUALA LUMPUR 4 Feb. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad memang layak dicalonkan untuk Hadiah Nobel bagi Keamanan tahun ini, kata pengerusi Yayasan Salam, Tan Sri Razali Ismail.

Katanya, pencalonan Dr. Mahathir oleh empat badan bukan kerajaan dari Bosnia Herzegovina adalah sebagai mengiktiraf kerja keras bekas Perdana Menteri itu dalam memperjuangkan hak dan nasib penduduk negara membangun.

"Tun Dr. Mahathir memang layak dicalonkan kerana beliau benar-benar memperjuangkan aspirasi rakyat," katanya kepada *Bernama* di sini hari ini.

## Cemerlang

Razali, yang juga bekas Duta Khas Pertubuhan Bangsa Bersatu Ke Myanmar, diminta mengulas pencalonan itu yang dibuat oleh badan-badan bukan kerajaan dari Bosnia Herzegovina diketuai bekas naib presiden negara itu, Dr. Ejup Ganic, yang menyifatkan Dr. Mahathir sebagai tokoh paling cemerlang dan paling berani bagi negara-negara membangun.

Razali berkata, Dr. Mahathir amat mengutamakan keamanan dan begitu lantang dalam pendiriannya menentang peperangan.

"Tidak banyak ketua kerajaan mampu bertindak seperti beliau," katanya.

Selain Dr. Mahathir, turut dicalonkan tahun ini ialah bekas Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, tokoh runding keamanan dari Finland, Martti Ahtisaari, dan pejuang kebebasan dari China, Rebiya Kadeer.

— **Bernama**